

# Penguasaan Kosakata Menerusi Dimensi Saiz dan Pengukuran Kosakata Bahasa Arab di Malaysia

## [Vocabulary Mastery through Size Dimension and Arabic Language Vocabulary Measurement in Malaysia]

**BITARA**

Volume 5, Issue 1, 2022: 132-144  
© The Author(s) 2022  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 22 February 2022  
Accepted: 26 February 2022  
Published: 24 March 2022

Wan Amar Ikram Wan Abdullah<sup>1</sup> & Kaseh Abu Bakar<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.  
Email: amar2962@yahoo.com; kaseh@ukm.edu.my

\* Corresponding Author: kaseh@ukm.edu.my

### Abstrak

Kosakata memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran bahasa. Ianya menjadi asas kepada penguasaan sesuatu bahasa khususnya kepada pelajar bahasa kedua. Berdasarkan dapatan yang diperolehi daripada kajian-kajian lepas mendapati bahawa masalah utama pelajar dalam menguasai bahasa adalah berpunca daripada kekurangan kosakata terutamanya dari aspek penguasaan saiz kosakata. Oleh hal demikian, pengkaji terpenggal untuk membuat tinjauan literatur berkaitan kajian penguasaan kosakata menerusi dimensi saiz dan pengukuran kosakata bahasa Arab telah dilaksanakan di Malaysia. Selain itu juga, kajian ini juga ingin mengetahui saiz kosakata ideal yang perlu dikuasai oleh pelajar di setiap peringkat berdasarkan daripada saranan para sarjana. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat lima aspek yang telah diterokai oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini khususnya dalam bahasa Arab iaitu kajian berkaitan saiz kosakata dengan kemahiran bahasa, saiz kosakata dengan strategi pembelajaran bahasa, saiz kosakata dengan penguasaan pengetahuan kosakata, saiz kosakata dengan tempoh pembelajaran bahasa, saiz kosakata dengan pengetahuan kolokasi bahasa Arab serta saiz kosakata di peringkat universiti. Dari aspek jumlah saiz kosakata minimum yang perlu dikuasai oleh pelajar pula adalah 2000 patah perkataan. Namun begitu, Nation & Waring (1997); Webb et al. (2017) mencadangkan agar 2000 hingga 5000 patah perkataan perlu dikuasai oleh setiap pelajar bagi menjamin kefasihan mereka dalam berbahasa.

**Kata kunci:** Saiz Kosakata, Kosakata Arab, Kosakata Reseptif, Kosakata Produktif.

### Abstract

Vocabulary plays an important role in language learning. It is a basis for the mastery of a language especially for second language learners. Based on the findings obtained from previous studies, many researchers found that the main problem of students' weakness in mastering the language is due to the lack of vocabulary especially from the aspect of vocabulary size mastery. Therefore, the researcher is called to do a literature review related to the vocabulary mastery through the dimensions of size and measurement of Arabic vocabulary has been implemented in Malaysia. At the same times, this study also wants to know the size of the ideal vocabulary that should be mastered by students at each level based on the scholars' recommendations. The results of the study found that there are five aspects that have been explored by previous researchers, especially in Arabic studies related to vocabulary size is vocabulary size with language skills, vocabulary size with language learning strategies, vocabulary size with mastery of vocabulary knowledge, vocabulary size with language learning period, vocabulary size with knowledge of Arabic collocation and vocabulary size at university level. In terms of the total size of the minimum vocabulary that students need to master

is 2000 words. However, Nation & Waring (1997); Webb et al. (2017) suggested that 2000 to 5000 words should be mastered by each student to ensure their fluency in speaking.

**Keywords:** Vocabulary Size, Arabic Vocabulary, receptive vocabulary, productive vocabulary

**Cite This Article:**

Wan Amar Ikram Wan Abdullah & Kaseh Abu Bakar. 2022. Penguasaan kosa kata menerusi dimensi saiz dan pengukuran kosa kata Bahasa Arab di Malaysia [Vocabulary mastery through size dimension and Arabic language vocabulary measurement in Malaysia]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(1): 132-144.

## Pengenalan

Kosa kata merupakan elemen asas dalam penguasaan sesuatu bahasa, ianya menjadi perkara asas dalam pembelajaran bahasa sama ada bahasa ibunda ataupun pembelajaran bahasa kedua. (Amirul Mukminin & Mahamod, 2015). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat kosa kata dapat diertikan sebagai keseluruhan kata dalam sesuatu bahasa (Hajah Noresah et al., 2013).

Nurain Syafina, Husain & Norhayuza, Mohamad (2020): Zainul Rijal & Rosni (2018) berpendapat bahawa wujudnya hubungkait antara penguasaan kosa kata dan penguasaan bahasa. Zainul Rijal Abdul Razak & Rosni Samah (2018) pula menyatakan bahawa memiliki dan menguasai kuantiti kosa kata yang mencukupi merupakan aspek penting dalam pembelajaran bahasa. Hal ini di sokong oleh Norhayuza (2018) yang menyatakan bahawa keluasan dan kedalaman pengetahuan kosa kata juga menjadi faktor utama dalam penguasaan sesuatu bahasa termasuklah kuantiti pengetahuan kosa kata yang banyak serta pengetahuan makna kosa kata yang mendalam.

## Pernyataan Masalah

Jika dilihat dari aspek kosa kata para pelajar pula, ramai para sarjana menegaskan bahawa para pelajar gagal menguasai kosa kata dengan baik. Nawawi & Abdullah (2016): Azman & Goh (2010) berpandangan bahawa tahap penguasaan kosa kata para pelajar belum mencapai pada tahap yang memuaskan. Hal ini dibuktikan oleh kajian Zainul Rijal Abdul Razak & Rosni Samah (2018) yang menyatakan bahawa pelajar di peringkat universiti juga menghadapi masalah yang serius berkaitan penguasaan kosa kata khususnya di dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab (Mat Taib, 2018). Tambah Nadwah & Nadhilah (2014), faktor kekurangan kosa kata menjadi punca utama yang mengganggu kelancaran pelajar semasa proses kemahiran bertutur yang menyebabkan kegagalan pelajar menyampaikan mesej dengan baik. Bukan hanya kemahiran bertutur sahaja, Haji Mohd Seman yang dipetik daripada kajian Maimun dan Faizatun (2013) juga menyatakan kelemahan pelajar dalam kemahiran penulisan bahasa Arab berpunca daripada kekurangan penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar. Che Radiah (2009) menambah, kurangnya penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar menyebabkan pelajar tidak mampu menyumbang idea yang baik dalam penulisan dan tidak dapat menggunakan sesuatu perkataan dengan betul berdasarkan konteks yang dikehendaki dalam sesuatu ayat

Kajian-kajian lepas berkaitan pemerolehan bahasa kedua mendapati bahawa permasalahan asas yang berhubungan secara langsung dengan kosa kata ialah jumlah atau saiz kosa kata yang dimiliki. Abdul Razif (2015) juga berpendapat bahawa saiz kosa kata memainkan peranan yang sangat penting terhadap penguasaan kemahiran bahasa. Hal ini bertepatan dengan kajian Zainul Rijal Abdul Razak & Rosni Samah (2018) yang menyatakan permasalahan utama kosa kata dalam kalangan pelajar universiti bukan sekadar aspek kualiti, bahkan kekurangan kuantiti kosa kata juga menjadi permasalahan yang besar. Penguasaan bahasa secara keseluruhannya menuntut sejumlah kata yang mencukupi bagi membolehkan kecekapan asas bahasa dikuasai selaras dengan dapatan Old (2009) di dalam Abdul Razif (2015) menyatakan bahawa “*one limiting factor of communication is the lack of an adequate vocabulary*”. Hal ini jelas menunjukkan penguasaan saiz kosa kata amat penting dalam penguasaan kemahiran berbahasa.

Berdasarkan tinjauan yang telah dilakukan di atas, punca utama kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar berpunca daripada kelemahan penguasaan kosa kata bahasa Arab. Menurut Abdul Razif et al. (2020) pelajar dilaporkan tidak mempunyai kosa kata yang mencukupi yang menghadkan keupayaan penguasaan mereka di dalam bahasa Arab. Hal ini disokong oleh Uraidah et al. (2021) yang menyatakan bahawa keterbatasan kosa kata juga boleh menjadi punca kegagalan pelajar untuk menguasai teks bacaan, berkomunikasi serta menghasilkan penulisan yang baik. Justeru itu, kegagalan pelajar dalam menguasai dan memahami kosa kata ini akan menghalang usaha mereka untuk menguasai bidang pengajian yang diceburi. (Zainul Rijal & Rosni 2018)

Jika dilihat dalam aspek penyelidikan berkaitan kosa kata bahasa Arab di Malaysia pula, ianya dilihat sedikit ketinggalan berbanding dengan bahasa lain. Terdapat beberapa kajian yg telah dilaksanakan, namun ianya tidak secara menyeluruh yang menyebabkan penerokaan terhadap aspek kosa kata agak perlahan akibat daripada kekurangan data dan maklumat (Harun & Zawawi, 2014). Salah satu aspek yang kurang diterokai oleh sarjana-sarjana terdahulu adalah berkaitan dengan aspek pengukuran saiz kosa. Menurut Nation (1980) saiz kosa kata menjadi indikator penting kepada seseorang untuk menilai tahap penguasaan kosa kata. Bertitik tolak daripada pernyataan di atas, pengkaji merasakan perlunya satu tinjauan literatur berkaitan penguasaan kosa kata menerusi dimensi saiz dan pengukuran kosa kata bahasa Arab di Malaysia dilakukan.

## Objektif Kajian

Antara objektif utama kajian ini dijalankan adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti kajian lepas berkaitan penguasaan kosa kata menerusi dimensi saiz dan pengukuran kosa kata bahasa Arab di Malaysia.
2. Untuk mengetahui saiz kosa kata ideal yang perlu dikuasai oleh pelajar berdasarkan saranan sarjana-sarjana lepas.

## Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif berkaitan penguasaan kosa menerusi dimensi saiz dan pengukuran kosa kata bahasa Arab di Malaysia. Kaedah kepustakaan (literatur) telah digunakan sebagai metode utama dalam kajian ini. Bagi mencapai objektif yang dikehendaki, analisis kandungan teks daripada buku rujukan, artikel jurnal, tesis, prosiding, disertasi dan bahan penerbitan lain telah digunakan untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Semua hasil dapat yang diperolehi dihuraikan secara deskriptif dengan menggunakan reka bentuk tematik bagi memudahkan proses pemahaman. Data kualitatif ini juga diperolehi bertujuan untuk mengetahui tema-tema kajian berkaitan saiz kosa kata yang telah dikaji serta penerokaan terhadap saranan saiz kosa kata ideal yang perlu dikuasai oleh pelajar berdasarkan daripada dapatan-dapatan kajian lepas.

## Dapatan Kajian

Saiz kosa kata memainkan peranan yang penting dalam menilai tahap penguasaan seseorang pelajar terhadap sesuatu bahasa. Ianya menjadi indikator penting dalam menentukan keupayaan seseorang untuk berbahasa khususnya dalam menilai tahap kemampuan seseorang pelajar terhadap sesuatu kemahiran bahasa sama ada berbentuk reseptif atau produktif (Abdul Razif et al., 2020).

Menurut Siti Aisyah (2017), saiz kosa kata dapat didefinisikan sebagai jumlah kosa kata yang diketahui, dimiliki dan diguna pakai oleh setiap individu dan berperanan dalam penguasaan kemahiran berbahasa. Menurut Harun & Zawawi (2014) pula, saiz kosa kata adalah jumlah perkataan yang diketahui oleh seseorang yang mana ianya menjadi perkataan asas yang dikuasai dan digunakan dalam pelbagai komunikasi bahasa. Tambah Nation (2001), saiz kosa kata dianggap penting kerana ianya menjadi penanda aras dalam menentukan tahap penguasaan kemahiran bahasa bagi seseorang individu.

Selaras dengan itu, Zainul Rijal & Rosni (2018) menyatakan bahawa setiap pelajar perlu meningkatkan saiz kosa kata dalam diri mereka bagi meningkatkan lagi kemampuan mereka dalam penguasaan sesuatu bahasa. Berdasarkan daripada pernyataan di atas jelas menunjukkan bahawa saiz kosa kata memainkan peranan yang penting yang perlu dikuasai oleh setiap pelajar bagi menguasai sesuatu bahasa. Hal ini bertepatan dengan Llach & Gallego, (2012) ; Stæhr, (2009) yang menyatakan bahawa saiz kosa kata yang dimiliki oleh seseorang pelajar mempunyai hubungan yang rapat dengan tahap penguasaan kemahiran bahasa mereka khususnya dalam kemahiran membaca, mendengar, menulis dan bertutur.

## Penentuan Saiz Kosa Kata yang Perlu Dikuasai

Bagi menjawab objektif kajian yang kedua, penelitian terhadap beberapa kajian lepas telah dilakukan. Pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa pandangan berkaitan saiz kosa kata yang perlu dikuasai oleh pelajar berdasarkan tahap pengajian yang diduduki oleh mereka.

Secara umumnya, sarjana-sarjana telah memecahkan penguasaan saiz kosa kata kepada dua bahagian iaitu untuk penutur jati (pelajar bahasa pertama) dan penutur bukan jati (pelajar

bahasa kedua). Menurut Goulden et al., (1990) menyatakan bahawa pelajar penutur jati sekurang-kurangnya perlu menguasai anggaran purata sebanyak 12 000 hingga 20 000 patah perkataan berdasarkan daripada pengalaman dan komunikasi bahasa seharian semenjak dilahirkan mengikut tahap kefasihan bahasa seseorang pelajar.

Namun begitu, Danilović & Grujić (2014) menyatakan bahawa jumlah anggaran kosa kata sedemikian sukar untuk dicapai oleh penutur bukan jati kerana elemen pemerolehan melalui semulajadi seperti pengalaman dan komunikasi bahasa sukar dilalui oleh penutur bahasa kedua yang menyukarkan pemerolehan kosa kata. Oleh hal demikian, wujudnya perbezaan objektif bagi pembelajaran penutur bahasa pertama dan penutur bahasa kedua terutamanya dari aspek akses komunikasi dan input bahasa yang berbeza-beza.

Menurut Anderson & Nagy (1993), sebanyak 2000 hingga 3000 patah perkataan baru perlu dikuasai oleh seseorang pelajar pada setiap tahun untuk menguasai sesuatu subjek yang akan dipelajari. Selain itu, Zainul Rijal Abdul Razak & Rosni Samah (2018) membuktikan bahawa sebanyak 3000-5000 perkataan saiz kosa kata minimum perlu dikuasai oleh pelajar bagi memudahkan mereka mengikuti pengajian mereka di universiti. Hal ini disokong oleh Liu & Nation (1985) menyatakan bahawa pelajar di peringkat universiti perlu menguasai sekurang-kurangnya 3000 perkataan asas. Berbeza pula di peringkat kolej universiti, Razif (2015) melalui kajian pemerolehan bahasa kedua (SLA) mengesyorkan kepada pelajar supaya menguasai sekurang-kurangnya 2000 patah perkataan berfrekuensi tinggi.

Manakala di peringkat menengah pula, Zainul Rijal Abdul Razak & Rosni Samah (2018) menyatakan sebanyak 800 perkataan saiz kosa kata minimum yang perlu dikuasai oleh pelajar bagi memudahkan pembelajaran dalam kosa kata akademik. Anderson & Nagy (1993) pula berpendapat untuk menguasai subjek yang dipelajari di sekolah menengah, pelajar sepatutnya mempelajari antara 2000 – 3000 perkataan umum baru setiap tahun. Hal ini bertepatan dengan saranan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) melalui *Dokumen Standard Kurikulum al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah* (2016) yang menyasarkan kepada pelajar sekolah menengah agama untuk menguasai sebanyak 2000 patah perkataan saiz kosa kata bahasa Arab (Khatijah & Hakim, 2018).

Menurut Webb et al. (2017) berdasarkan kajiannya mendapati bahawa pelajar memerlukan sekitar 2000 patah perkataan untuk memahami sekurang-kurangnya lapan daripada setiap sepuluh perkataan yang telah ditemui di dalam teks. Hal ini kerana kosa kata yang berkekerapan tinggi sering digunakan di dalam penulisan dan percakapan. Nation & Waring (1997) juga berpendapat bahawa untuk mewujudkan penguasaan bahasa yang efektif dalam kalangan pelajar, sebanyak 2000 hingga 5000 patah perkataan perlu dikuasai oleh setiap pelajar bagi menjamin kefasihan mereka dalam berbahasa.

Secara kesimpulannya, 2000 hingga 5000 patah perkataan merupakan bilangan ideal untuk penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan penutur jati berbanding pelajar penutur jati yang mana telah mempelajarinya secara semulajadi. Hal ini disokong oleh Abdul Razif & Mohd Zaki (2017) yang menyatakan bahawa ianya adalah jumlah realistik khususnya bagi pembelajaran bahasa kedua. Oleh hal demikian, penekanan aspek pemilihan kosa kata perlu diberikan penekanan sebagai jalan pintas bagi mempercepatkan proses pembelajaran bahasa (Zainul Rijal & Rosni, 2018).

## Kajian Lepas Berkaitan Saiz Kosa Kata Bahasa Arab di Malaysia

Bagi mencapai objektif pertama yang telah dikemukakan di dalam kajian ini, pengkaji telah membuat analisis kandungan teks yang terdiri daripada tiga buah tesis, enam artikel jurnal, satu prosiding dan beberapa buku ilmiah berkaitan penguasaan dan pengukuran kosa kata bahasa Arab di Malaysia. Untuk memudahkan lagi pemahaman, pengkaji telah memecahkan dapatan kajian kepada lima tema utama iaitu saiz kosa kata dengan kemahiran bahasa, saiz kosa kata dengan strategi pembelajaran bahasa, saiz kosa kata dengan tempoh pembelajaran bahasa, saiz kosa kata dengan pengetahuan kolokasi bahasa Arab dan saiz kosa kata pelajar di peringkat IPT. Dapatan yang diperolehi adalah seperti di bawah:

Jadual 1 Tema kajian lepas berkaitan saiz kosa kata bahasa Arab di Malaysia

Bil	Tema	Tajuk Kajian	Pengkaji Lepas
1.	Saiz Kosa Kata Dengan Kemahiran Bahasa	1. Saiz Kosa Kata Bahasa Arab dan Hubungannya dengan Kemahiran Menulis dalam kalangan Prasiswazah	1. Siti Aisyah (2017)
		2. Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Melayu di Peringkat Kolej Universiti	2. Razif (2015)
		3. Pengetahuan Kosa Kata Produktif dalam Kemahiran Menulis	3. Zunita Mohamad et al. (2016)
2.	Saiz Kosa Kata Dengan Strategi Pembelajaran Bahasa	1. Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar Sekolah Menengah Agama di Malaysia	1. Harun (2014)
		2. Strategi Pembelajaran Kosa Kata dan Penguasaan Pengetahuan Kosa Kata Arab dalam Kalangan Pelajar STAM	2. Nur Naimah Akmar & Harun (2017)
3.	Saiz Kosa Kata dengan Tempoh Pembelajaran Bahasa	1. Saiz Kosa Kata Bahasa Arab Dan Hubungannya Dengan Tempoh Pembelajaran Bahasa Dalam Kalangan Bukan Penutur Jati	1. Abdul Razif, Rosfazila, et al. (2020)
4.	Saiz Kosa Kata dgn Pengetahuan Kolokasi Bahasa Arab	1. Saiz Kosa Kata dan Pengetahuan Kolokasi Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)	1. Uraidah et al. (2021)
5.	Saiz Kosa Kata Pelajar di Peringkat IPT	1. Saiz Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Penuntut Tahun Akhir Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)	1. Abdul Razif et al. (2021)

- |   |                                      |
|---|--------------------------------------|
| 2. Saiz Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi Professional, UiTM      | 2. Nurain Syafina & Norhayuza (2020) |
| 3. Saiz Kosa Kata Bahasa Arab dalam kalangan Pelajar di Peringkat Pengajian Tinggi Permasalahan dan Strategi Pengajaran | 3. Zainul Rijal & Rosni (2018)       |

## Saiz Kosa Kata dengan Kemahiran Bahasa

Kemahiran bahasa dan saiz kosa kata tidak dapat pisahkan, kedua-duanya saling memerlukan bagi melengkapkan proses penguasaan sesuatu bahasa (Abdul Razif, 2018). Berdasarkan tinjauan literatur yang telah dilakukan, terdapat tiga kajian yang telah dikenal pasti berkaitan saiz kosa kata dengan kemahiran bahasa yang mana ketiga-tiganya meliputi kemahiran produktif iaitu kemahiran menulis (Siti Aisyah, 2017):(Zunita Mohamad et al., 2016) dan kemahiran bertutur (Abdul Razif & Mohd Zaki, 2017).

Siti Aisyah (2017) telah menjalankan kajian berkaitan saiz kosa kata bahasa Arab dan hubungannya dengan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar prasiswazah Fakulti Pengajian Islam, UKM. Dapatan kajian yang diperolehi mendapati saiz kosa kata reseptif bahasa Arab pelajar prasiswazah Fakulti Pengajian Islam, UKM berada pada tahap 1929/3000 patah perkataan. Selain itu juga, kajian ini mendapati saiz kosa kata yang dimiliki oleh pelajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemahiran menulis.

Abdul Razif & Mohd Zaki (2017) pula menjalankan kajian berkaitan saiz kosa kata bahasa Arab dan hubungannya dengan kemahiran bertutur khususnya untuk pelajar jurusan pengajian Islam dan bahasa Arab di KUIS. Instrumen Simulated Oral Proficiency Interview (SOPI) telah digunakan untuk mengukur tahap kecekapan kemahiran bertutur pelajar. Manakala, instrumen *Arabic Vocabulary Level Test* (aVLT) yang diadaptasi daripada *Vocabulary Level Test* (Nation 2001) pula telah digunakan bagi mengukur tahap penguasaan saiz kosa kata reseptif pelajar.

Berdasarkan dapatan yang diperolehi mendapati bahawa saiz kosa kata yang dimiliki oleh pelajar jurusan pengajian Islam dan bahasa Arab di KUIS berada di bawah paras minimum iaitu 1231 patah perkataan berbanding tahap minimum penguasaan kosa kata yang telah disarankan oleh Nation, (2001) & Laufer, (1989) iaitu 2000 patah perkataan. Tahap kecekapan lisan pelajar jurusan pengajian Islam dan bahasa Arab di KUIS pula berada pada tahap yang sederhana dan secara keseluruhannya wujud hubungan yang signifikan antara saiz kosa kata dengan kemahiran bertutur pelajar. Abdul Razif (2015) juga mencadangkan agar tiga aspek utama yang perlu diberikan perhatian iaitu aspek kecukupan, tahap kerelevanan kata dan keupayaan menggunakan kata yang dikuasai.

Zunita Mohamad et al. (2016) pula membuat tinjauan literatur berkaitan pengetahuan kosa kata produktif dalam kemahiran menulis. Beliau mendakwa bahawa penguasaan seseorang individu terhadap sesuatu bahasa dikuasai oleh pengetahuan kosa kata yang dimiliki terutamanya dari aspek pengetahuan jumlah perkataan, pemahaman makna dan penggunaan perkataan dalam konteks ayat yang betul. Selain itu, Penguasaan kosa kata juga menjadi

indikator penting dalam menilai kecekapan kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur.

Secara kesimpulannya, Zunita Mohamad (2019) mencadangkan agar penekanan berkaitan pengetahuan berkaitan kosa kata produktif perlu diberikan perhatian khususnya di dalam penulisan memandangkan proses menzahirkan pengetahuan kosa kata dalam penulisan merupakan kemahiran produktif yang mana ianya merupakan salah satu kemahiran kompleks yang melibatkan proses metakognitif dalam melahirkan idea.

## Saiz Kosa Kata dengan Strategi Pembelajaran Bahasa

Selain kajian berkaitan saiz kosa kata dengan kemahiran berbahasa, terdapat juga kajian berkaitan saiz kosa kata dengan strategi pembelajaran bahasa. Antara kajian yang telah dilaksanakan adalah kajian berkaitan saiz kosa kata dengan strategi pembelajaran bahasa (Baharudin 2016) dan strategi kosa kata dengan penguasaan kosa kata (Nur Naimah Akmar & Harun 2017) .

Baharudin (2016) telah menggunakan *Test of Arabic Vocabulary* (TAV) dan Soal Selidik Strategi Pembelajaran Kosa Kata Arab sebagai instrumen kajian untuk melihat hubungan penguasaan saiz kosa kata bahasa Arab dengan strategi pembelajaran kosa kata (SPK) dalam kalangan pelajar pra universiti SMKA dan SABK di Malaysia. Lima strategi yang difokuskan adalah penentuan strategi, sosial, memori, kognitif dan meta kognitif. Secara keseluruhan, hasil kajian juga didapati terdapat hubungan yang signifikan antara strategi pembelajaran bahasa Arab (SPK) dan saiz kosa kata bahasa Arab.

Manakala Nur Naimah Akmar & Harun (2017) pula melakukan kajian berkaitan strategi pembelajaran kosa kata (SPK) dan penguasaan aspek pengetahuan kosa kata dalam kalangan pelajar STAM di SABK di negeri Selangor. *Test of Arabic Vocabulary* (TAV) dan Soal Selidik Strategi Pembelajaran Kosa Kata Arab telah digunakan sebagai instrumen kajian bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Tujuh strategi SPK utama yang telah diberikan penekanan adalah strategi bukan kamus, strategi kamus, strategi mengambil nota, strategi hafalan, strategi praktis, strategi meta kognitif dan strategi mengembangkan pengetahuan kosa kata. Sebanyak 40 item soalan TAV telah digunakan sebagai instrumen pengukuran kosa kata yang mana telah diadaptasi daripada instrumen *Vocabulary Knowledge Scale* (VKS) (Paribakht & Wesche, 1993). Secara kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa wujudnya hubungan yang signifikan antara strategi pembelajaran kosa kata (SPK) dengan pengetahuan kosa kata bahasa Arab.

## Saiz Kosa Kata dengan Tempoh Pembelajaran Bahasa

Secara umumnya, semakin lama seseorang itu mempelajari sesuatu bahasa, semakin mahir seseorang itu terhadap sesuatu bahasa yang telah dipelajarinya. Berdasarkan analisis kajian literatur yang dilakukan, terdapat satu kajian berkaitan saiz kosa kata dengan tempoh pembelajaran bahasa telah dilakukan oleh Abdul Razif et al., (2020) terhadap pelajar lepasan sekolah menengah aliran agama kerajaan dan negeri.



Matlamat utama kajian ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengetahui hubungan antara tempoh pembelajaran bahasa dengan saiz kosa kata yang dimiliki oleh pelajar. Selain itu juga, kajian ini bermatlamat untuk mengetahui tempoh masa yang diperlukan bagi penguasaan terhadap pengetahuan kosa kata secara lebih efektif.

Hasil dapatan yang diperolehi juga menunjukkan bahawa wujudnya hubungan yang signifikan antara saiz kosa kata (SKK) dengan tempoh pembelajaran bahasa Arab yang mana semakin lama tempoh pembelajaran bahasa Arab, maka semakin besar saiz kosa kata bahasa Arab yang dimiliki oleh pelajar. Pada waktu yang sama, tiga hingga lima tahun merupakan tempoh minimum yang diperlukan oleh pelajar untuk membangunkan kosa kata.

## **Saiz Kosa Kata dengan Pengetahuan Kolokasi Bahasa Arab**

Menurut Zainul Rijal & Rosni, (2018), aspek penguasaan saiz kosa kata mempunyai hubungan yang rapat dengan aspek pengetahuan kosa kata khususnya berkaitan kedalaman makna dan penggunaan perkataan yang tepat. Berdasarkan analisis kajian literatur yang dilakukan, terdapat satu kajian yang telah dilakukan oleh Uraidah et al., (2021) berkaitan dengan saiz kosa kata dan pengetahuan kolokasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) di empat buah sekolah SABK di Perak.

Ujian Saiz Kosa Kata dan Ujian Kolokasi Bahasa Arab telah digunakan sebagai instrumen utama dalam kajian ini bagi mengukur tahap penguasaan kosa kata reseptif dan tahap penguasaan kolokasi pelajar. Dapatan kajian yang diperolehi mendapati wujudnya hubungan yang signifikan antara saiz kosa kata dan pengetahuan kolokasi bahasa Arab. Namun begitu, penemuan baharu telah ditemui menyatakan bahawa peningkatan pengetahuan kolokasi bahasa Arab bukan diperolehi secara sepenuhnya melalui penguasaan saiz kosa kata.

Selain itu juga, Uraidah et al., (2021) juga mendapati bahawa keterhadan penguasaan kosa kata merupakan punca utama kegagalan pelajar untuk menguasai teks bacaan, berkomunikasi serta menghasilkan penulisan yang baik. Kajian ini telah mencadangkan agar guru dan pelajar perlu memanfaatkan kepelbagaian strategi, pendekatan dan teknik dalam pengajaran bagi meningkatkan lagi tahap pengetahuan kolokasi bahasa Arab.

## **Saiz Kosa Kata Pelajar di Peringkat IPT**

Selain di peringkat sekolah, saiz penguasaan kosa kata dalam kalangan graduan di universiti juga turut menjadi isu yang diperdebatkan. Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, terdapat dua kajian yang telah dilakukan berkaitan saiz kosa kata bahasa Arab yang telah dijalankan di institusi pengajian tinggi iaitu Abdul Razif et al. (2021) dan Nurain Syafina, Husain & Norhayuza, Mohamad (2020). Manakala terdapat satu lagi kajian literatur berkaitan strategi dan permasalahan dalam aspek saiz kosa kata di peringkat pengajian tinggi (Zainul Rijal & Rosni, 2018).

Kuantiti perkataan yang dimiliki oleh pelajar penting demi kelangsungan bahasa. Abdul Razif et al. (2021) telah melakukan kajian berkaitan saiz kosa kata bahasa Arab dalam kalangan penuntut tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dengan mengukur saiz kosa kata reseptif dengan menggunakan Arabic

Vocabulary Level Test (a VLT). Hasil kajian yang diperoleh mendapati bahawa secara purata setiap responden memiliki 2223 patah perkataan yang berfrekuensi tinggi berbanding kajian yang telah dilakukan oleh Abdul Razif (2015) di lokasi yang sama berada pada tahap bawah tahap minimum penguasaan kosa kata iaitu 1231 perkataan. Abdul Razif et al. (2021) juga mencadangkan agar pembangunan kosa kata pelajar perlu dibangunkan secara eksplisit bermula dari peringkat rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi.

Nurain Syafina, Husain & Norhayuza, Mohamad (2020) pula telah melakukan kajian berkaitan saiz kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Komunikasi Profesional (IJSMBAKP) di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam. Dua aspek pengukuran yang diberikan perhatian adalah kosa kata reseptif dan kosa kata produktif masing-masing dengan menggunakan instrumen Ujian Tahap Kosa Kata Bahasa Arab (aVLT) dan Ujian Tahap Kosa Kata Produktif (PVLT).

Hasil kajian mendapati bahawa saiz kosa kata reseptif dalam kalangan pelajar IJSMBAKP berada di bawah tahap minimum penguasaan kosa kata iaitu 1885 patah perkataan berbanding 2000 patah perkataan yang telah disarankan oleh sarjana-sarjana linguistik (Laufer & Nation, 1999). Saiz kosa kata produktif pula mencatatkan 1655 perkataan yang telah dikuasai oleh pelajar IJSMBAKP, UiTM. Kajian ini juga mencadangkan agar aspek kosa kata berfrekuensi tinggi dan kosa kata produktif perlu diberikan penekanan supaya ianya dapat diaplikasikan secara berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Manakala Zainul Rijal & Rosni (2018) telah melakukan satu tinjauan literatur berkaitan aspek saiz kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar di peringkat Pengajian Tinggi. Kajian ini memfokuskan kepada permasalahan dan strategi pengajaran yang digunakan oleh pensyarah sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Berdasarkan tinjauan yang telah dilakukan mendapati bahawa penekanan terhadap aspek penguasaan kuantiti saiz kosa kata sahaja tidak mencukupi. Sebaliknya, aspek kualiti juga perlu diberikan penekanan terutamanya dalam meningkatkan penguasaan terhadap kemahiran bahasa.

Hasil kajian ini juga mendapati pelajar di peringkat universiti menghadapi masalah yang serius dalam penguasaan kosa kata sehingga tidak mampu untuk mengikut silibus yang diikuti. Hal ini diperkuatkan lagi dengan dapatan yang diperolehi menyatakan bahawa 3000 hingga 5000 adalah jumlah minimum yang perlu dikuasai oleh setiap pelajar bagi memudahkan mereka mengikut pengajian di peringkat universiti. Zainul Rijal & Rosni (2018) juga mencadangkan agar penekanan diberikan dalam aspek kosa kata terutama dalam PdP di peringkat universiti sama ada di dalam bilik kuliah atau luar bilik kuliah.

## **Kesimpulan**

Secara tuntasnya, sudah terbukti bahawa penguasaan kosa kata memainkan peranan yang penting dalam penguasaan bahasa khususnya dari aspek keluasan saiz kosa kata yang dimiliki oleh pelajar. Berdasarkan dapatan yang diperolehi daripada kajian ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat lima tema yang telah dikelaskan berdasarkan daripada kisan-kisan kajian lepas berkaitan dengan penguasaan kosa kata bahasa Arab menerusi dimensi saiz dan pengukuran kosa kata iaitu saiz kosa kata dengan kemahiran bahasa, saiz kosa kata dengan strategi pembelajaran bahasa, saiz kosa kata dengan tempoh pembelajaran bahasa, saiz kosa kata dengan pengetahuan kolokasi bahasa Arab dan saiz kosa kata pelajar di peringkat IPT.

Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa tahap 2000 patah perkataan adalah tahap minimum yang perlu dicapai oleh pelajar khususnya dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab berdasarkan yang telah dicadangkan oleh Nation (2001); Webb et al. (2017). Namun begitu Nation & Waring (1997; Webb (2008) mencadangkan agar 2000 hingga 5000 patah perkataan perlu dikuasai oleh setiap pelajar bagi menjamin kefasihan mereka dalam kemahiran berbahasa.

## Rujukan

- Abdul Razif. (2015). Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu Di Peringkat Kolej Universiti. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Abdul Razif, Z., & Mohd Zaki, A. R. (2017). Saiz Kosa Kata Bahasa Arab Dan Hubungannya Dengan Kemahiran Bertutur. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaima Shah*, 4(1), 220–228.
- Abdul Razif, Z., Rosfazila, A. R., & Yaakob, H. (2020). Saiz Kosa Kata Bahasa Arab Dan Hubungannya Dengan Tempoh Pembelajaran Bahasa Dalam Kalangan Bukan Penutur Jati. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(2), 123–135.
- Abdul Razif, Z., Yaakob, H., & Muhammad Harun, Husaini. (2021). Saiz Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Penuntut Tahun Akhir Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 606–614. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v6i1.154>
- Amirul Mukminin, M., & Mahamod, Z. (2015). Penguasaan Kosa Kata dan Pembinaan Keyakinan Pelajar Antarabangsa dalam komunikasi Bahasa Melayu melalui Kaedah Tanya-Jawab Dua Hala ( Enhancing the International students ' vocabulary and confidence to communicate in the Malay AMIRUL MUKMININ MOHAMAD \* & . *Jurnal Personalia Pelajar*, 22(1), 31–38.
- Anderson, R. C., & Nagy, W. E. (1993). The Vocabulary Conundrum. *American Educator*, 16(1), 14–18.
- Azman, C. M., & Goh, Y. S. (2010). Situasi Pembelajaran Bahasa Asing Di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan Antara Bahasa Arab, Mandarin dan Bahasa Perancis. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education*, 2(45), 39. <https://www.nber.org/papers/w15827.pdf>
- Baharudin, H. (2016). *Korelasi strategi dengan saiz kosa kata dalam pembelajaran bahasa Arab* (Issue August).
- Che Radiah, M. (2009). *Kesilapan Leksikal Dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Danilović, J. R., & Grujić, T. S. (2014). Vocabulary Growth at Tertiary Level: How Much Progress Can Serbian EFL Learners Make in a Year? *Zbornik Instituta Za Pedagoska Istrazivanja*, 46(1), 200–218. <https://doi.org/10.2298/ZIPI1401200D>
- Dokumen Standard Kurikulum al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah*. (2016). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Goulden, R., Nation, P., & Read, J. (1990). How large can a receptive vocabulary be? *Applied Linguistics*, 11(4), 341–363. <https://doi.org/10.1093/applin/11.4.341>
- Hajah Noresah, B., Md. Nor, H. A. G., Ibrahim, H. A., Azizah, S., Saidah, K., Hajah Aziah, T., Salmah, J., Hairani, M. K., & Rodziah, A. (Eds.). (2013). *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Keempat). Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Harun, Baharudin, & Zawawi, I. (2014). Vocabulary learning strategies and arabic vocabulary size among pre-university students in Malaysia. *International Education Studies*, 7(13), 219–226. <https://doi.org/10.5539/ies.v7n13p219>
- Harun, B. (2014). *Strategi Pembelajaran Kosakata Bahasa Arab Pelajar Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Universiti Malaya.
- Harun, B., & Zawawi, I. (2014). Aspek Saiz Dalam Pembelajaran Kosakata Bahasa Arab. *Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-10 (WPII0)*, 95–104.
- Khatijah, M. K., & Hakim, Z. (2018). Penguasaan Kata Nama dan Kata Kerja Arab dalam Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 1(1), 69–79.
- Laufer, B. (1989). What percentage of text-lexis is essential for comprehension? *Special Language: From Humans Thinking To Thinking Machines*, January 1989, 316–323.
- Laufer, B., & Nation, P. (1999). A Vocabulary-Size Test of Controlled Productive Ability. *Language Testing*, 16(1), 33–51. <https://doi.org/10.1177/026553229901600103>
- Liu, N., & Nation, I. S. P. (1985). Factors affecting guessing vocabulary in context. *RELC Journal*, 16(1), 33–42. <https://doi.org/10.1177/003368828501600103>
- Llach, M. P. A., & Gallego, M. T. (2012). Vocabulary Knowledge Development and Gender Differences in a Second Language. *Elia*, 12(1), 45–75.
- Nadwah, D., & Nadhilah, A. P. (2014). Permasalahan pertuturan dalam bahasa Arab sebagai bahasa kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 14(1), 117–133. <https://doi.org/10.17576/gema-2014-1401-08>
- Nation, P. (2001). Learning Vocabulary in Another Language. In *Cambridge University Press* (Vol. 23, Issue 1). [https://doi.org/10.1016/s0889-4906\(02\)00014-5](https://doi.org/10.1016/s0889-4906(02)00014-5)
- Nation, W., & Waring, R. (1997). Vocabulary Size, Text Coverage and Word List. In *Vocabulary: Description, Acquisition and Pedagogy*. Cambridge University Press.
- Nawawi, K., & Abdullah, N. (2016). Keberkesanan Teknik Peta Pemikiran Terhadap Peningkatan Prestasi Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar. *JPBU Edisi Khas*, 66–76.
- Nur Naimah Akmar, K., & Harun, B. (2017). Strategi Pembelajaran Kosakata Dan Penguasaan Pengetahuan Kosakata Arab Dalam Kalangan Pelajar STAM. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 1(1), 64–73.
- Nurain Syafina, Husain, & Norhayuza, M. (2020). Saiz Kosakata Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi Professional, UiTM. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*, 4(2), 38.
- Nurain Syafina, Husaini, & Norhayuza, M. (2019). Penentuan Saiz Kosakata Pelajar Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab. *The 4th International Conference on Issues In Language Teaching And Learning Amongst Non-Native Speakers (ILANNS 2018)*, June.
- Paribakht, T. S., & Wesche, M. B. (1993). Reading Comprehension and Second Language Development in a Comprehension-Based ESL Program. *TESL Canada Journal*, 11(1), 09. <https://doi.org/10.18806/tesl.v11i1.623>
- Razif, Z. (2015). *Penguasaan Kosakata Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu Di Peringkat Kolej Universiti*. Universiti Malaya.
- Siti Aisyah, I. (2017). *Saiz Kosakata Bahasa Arab Dan Hubungannya Dengan Kemahiran Menulis Dalam Kalangan Prasiswazah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Stæhr, L. S. (2009). Vocabulary Knowledge and Advanced Listening Comprehension in English as a Foreign Language. In *Studies in Second Language Acquisition* (Vol. 31, Issue 4). <https://doi.org/10.1017/S0272263109990039>
- Uruidah, A. W., Mat Taib, P., & Lily Hanefarezan, A. (2021). Saiz Kosa Kata dan Pengetahuan Kolokasi Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). *Issues in Language Studies*, 10(1), 183–202. <https://doi.org/10.33736/ils.2794.2021>
- Webb, S. (2008). Receptive and Productive Vocabulary Sizes of L2 Learners. *Studies in Second Language Acquisition*, 30(1), 79–95. <https://doi.org/10.1017/S0272263108080042>
- Webb, S., Sasao, Y., & Ballance, O. (2017). The updated Vocabulary Levels Test Developing and validating two new forms of the VLT. *ITL - International Journal of Applied Linguistics*, 168(1), 33–69. <https://doi.org/10.1075/itl.168.1.02web>
- Zainul Rijal, A. R., & Rosni, S. (2018). Saiz Kosa Kata Bahasa Arab dalam kalangan Pelajar di Peringkat Pengajian Tinggi : Permasalahan dan Strategi Pengajaran. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 08(2), 61–70.
- Zunita Mohamad, M. (2019). *Assessing Psychometric Properties of Malaysian Secondary School Students ' Arabic Vocabulary Knowledge Inventory*. May, 147–160.
- Zunita Mohamad, M., Harun, B., & Maimun Aqsha, L. (2016). Pengetahuan Kosa Kata Produktif dalam Kemahiran Menulis. In *Prosiding Wacana Pendidikan Islam siri ke 11* (Issue December).